

# Information Sheet

Protecting the human rights of adults with decision-making disabilities

## 8. SURAT KUASA WAKIL BERKEKALAN

Peguam Awam menyediakan khidmat nasihat melalui telefon (1300 858 455) dengan memberikan maklumat mengenai surat kuasa wakil berkekalan. Maklumat yang direkodkan merangkumi jawapan kepada pelbagai soalan lazim mengenai surat kuasa wakil berkekalan dan tersedia ada 24 jam sehari. Untuk bercakap dengan anggota pegawai penasihat, hubungi perkhidmatan ini di antara jam 9.00 pagi dan 4.30 petang, Isnin hingga Jumaat.

### DIMANA BOLEH SAYA DAPATKAN BORANG SURAT KUASA WAKIL BERKEKALAN?

Borang Surat Kuasa Wakil Berkekalan itu terdapat di bahagian belakang buku panduan Surat Kuasa Wakil Berkekalan oleh Pejabat Peguam Awam dan Kit Maklumat Surat Kuasa Wakil Berkekalan.

Kedua-dua penerbitan ini mengandungi arahan langkah demi langkah cara mengisi borang dan boleh dimuat turun secara percuma daripada laman web Pejabat Peguam Awam.

### APAKAH YANG DIMAKSUDKAN DENGAN SURAT KUASA WAKIL BERKEKALAN?

Surat kuasa wakil berkekalan membolehkan sesiapa yang berumur 18 tahun atau lebih dan mempunyai kapasiti undang-undang untuk memberi pihak atau agensi lain, kuasa undang-undang untuk membuat keputusan mengenai kewangan dan/atau hartanah bagi pihak beliau. Pihak yang memberikan kuasa digelar PENDERMA (DONOR). Pihak atau agensi yang menerima kuasa pula digelar WAKIL (ATTORNEY) atau PENERIMA (DONEE). Surat kuasa wakil berkekalan mula berkuat kuasa berdasarkan tarikh yang dinyatakan di dalam borang.

Adalah penting untuk menyedari bahawa surat kuasa wakil berkekalan akan terus beroperasi sekiranya penderma menjadi tak berupaya membuat keputusan yang sewajarnya pada suatu masa tertentu di masa hadapan. Satu-satunya cara untuk menghentikan kuasa pihak wakil (penderma) adalah dengan membatalkan surat kuasa wakil berkekalan tersebut.



Government of Western Australia  
Department of Justice

## **APAKAH YANG BOLEH SAYA LAKUKAN SEKIRANYA SAYA TIDAK DAPAT MENANDATANGANI BORANG ITU?**

Di mana pihak yang memberi kuasa tidak dapat menandatangani nama beliau, kerana sebagai contoh:

- mereka memahami Bahasa Inggeris tetapi tidak dapat menulis
- mereka memahami Bahasa Inggeris tetapi tidak boleh membaca atau menulis
- mereka tidak memahami Bahasa Inggeris dan tidak dapat menulis
- mereka tidak memahami Bahasa Inggeris tetapi boleh menulis

sebarang jenis petanda oleh pihak tersebut, termasuk huruf pertama pada nama, pangkah atau cetakan ibu jari adalah mencukupi, dengan syarat suatu fasal penjelasan yang sesuai diselitkan ke dalam surat kuasa wakil berkekalan tersebut. Fasal-fasal ini lazimnya dipanggil fasal penanda (*marksman*) atau fasal pembacaan (*readover*). Adalah dinasihatkan untuk mendapatkan bantuan guaman (daripada peguam atau pusat undang-undang komuniti), untuk menyediakan surat kuasa wakil berkekalan yang merangkumi fasal tersebut.

## **SIAPAKAH YANG BOLEH MENYAKSIKAN SURAT KUASA WAKIL BERKEKALAN?**

Di Australia Barat, surat kuasa wakil berkekalan mestilah ditandatangani oleh pihak yang memberikan kuasa, dengan kehadiran dua saksi bebas. Salah satu daripada saksi mestilah seseorang yang diberikan kuasa untuk menyaksikan dokumen-dokumen di bawah *Akta 2005 Sumpah, Afidavit dan Akuan Berkanun*. Ini termasuk Jaksa Pendamai, pengamal perubatan, pegawai-pegawai Perkhidmatan Awam Negeri dan Komanwel dan pegawai-pegawai polis. Senarai penuh saksi-saksi yang sah disertakan dalam Kit Maklumat Surat KuasaWakil Berkekalan.

Walaupun dapat diterima penggunaan dua orang saksi daripada senarai ini, namun hanya seorang saksi sahaja diperlukan dari senarai ini. Keperluan minima undang-undang bagi saksi kedua adalah bahawa pihak tersebut mestilah berumur sekurang-kurangnya 18 tahun dan bukan orang yang dilantik sebagai wakil atau wakil pengganti.

## **PERLUKAH SAYA MENDAFTAR SURAT KUASA WAKIL BERKEKALAN SAYA?**

Tidak ada daftar untuk surat kuasa wakil berkekalan di Australia Barat. Oleh itu adalah menjadi tanggungjawab anda untuk memastikan semua pihak yang berkaitan disediakan dengan satu salinan.

Walau bagaimanapun, jika anda memiliki harta, anda mungkin ingin menyerahkan surat kuasa wakil berkekalan anda dengan Landgate supaya jika transaksi yang berhubungan dengan hartanah itu perlu dibuat oleh wakil anda pada masa hadapan, kuasa mereka untuk berbuat demikian akan diiktiraf.

Landgate (pihak berkuasa Kerajaan Negeri, yang mengekalkan daftar hakmilik tanah di Australia Barat) memerlukan surat kuasa wakil berkekalan yang asal disimpan dalam rekod mereka pada masa urus niaga hartanah.

Oleh yang demikian, adalah disyorkan ketika melengkapkan surat kuasa wakil berkekalan anda, anda membuat dua salinan asal (iaitu, anda melengkapkan dua salinan surat kuasa wakil berkekalan yang serupa dalam masa yang sama). Anda harus menyimpan salinan asal surat kuasa wakil berkekalan untuk diri sendiri dan anda boleh menyerahkan salinan asal yang lain kepada Landgate.

Jika anda ingin menyerahkan surat kuasa wakil berkekalan anda kepada Landgate, anda perlu berbuat demikian dalam tempoh tiga bulan dari tarikh penyempurnaan.

Jika anda belum mengemukakan surat kuasa wakil berkekalan anda dan telah kehilangan keupayaan pada masa urus niaga hartanah, wakil anda akan dikehendaki melengkapkan satu Akuan Berkanun yang menyatakan surat kuasa wakil berkekalan adalah masih berkuatkuasa. Secara alternatif wakil anda boleh mendapatkan suatu perintah daripada Tribunal Pentadbiran Negeri dengan menyatakan surat kuasa wakil berkekalan itu masih berkuatkuasa. Mereka kemudian boleh menyerahkannya kepada Landgate dan menjalankan urus niaga hartanah.

Yuran akan dikenakan untuk penyerahan atau pembatalan surat kuasa wakil berkekalan dengan Landgate.

## **ADAKAH PIHAK PENDERMA HARUS MEMPUNYAI KAPASITI UNDANG-UNDANG?**

Penderma sesuatu surat kuasa wakil berkekalan mestilah berupaya membuat keputusan yang sewajarnya ketika melengkapkan surat kuasa wakil berkekalan. Jika terdapat sebarang keraguan tentang keupayaan membuat keputusan pihak yang membuat surat kuasa wakil berkekalan, pendapat bertulis seorang doktor atau profesional yang lain harus didapati.

## **BAGAIMANAKAH SAYA BOLEH MEMBATALKAN SURAT KUASA WAKIL BERKEKALAN SAYA JIKA PERLU?**

Dengan syarat anda masih mempunyai keupayaan undang-undang, anda boleh membatalkan surat kuasa wakil berkekalan pada bila-bila masa yang diingini. Jika anda tidak lagi mahu surat kuasa wakil berkekalan itu berkuatkuasa, anda perlu memaklumkan kepada wakil anda serta semua pihak dan agensi-agensi yang berkaitan, sebaik-baiknya secara bertulis. Anda harus menyimpan satu salinan pembatalan bertulis anda bersama-sama dengan senarai semua pihak dan agensi-agensi yang telah anda sampaikan.

Jika anda telah menyerahkan surat kuasa wakil berkekalan anda kepada Landgate, anda perlu membuat pembatalan yang formal dengan Landgate yang mana bayaran akan dikenakan.

## **MEMILIH WAKIL / WAKIL-WAKIL**

Individu atau mereka yang anda memilih untuk bertindak sebagai wakil/wakil-wakil adalah terpulang kepada anda. Ia mungkin suami/isteri atau pasangan de facto anda, ahli keluarga yang lain atau sahabat karib, seorang Akauntan, peguam atau syarikat pemegang amanah atau Pemegang Amanah Awam. Adalah penting bahawa orang yang anda pilih sebagai wakil anda adalah amanah dan cenderung untuk sentiasa bertindak demi kebaikan anda. Tidak lebih daripada dua orang yang boleh menjadi wakil pada bila-bila masa.

## **UNTUK MAKLUMAT LANJUTAN**

### **Pejabat Peguam Awam**

PO Box 6293, EAST PERTH WA 6892  
Telefon: 1300 858 455  
E-mel: [opa@justice.wa.gov.au](mailto:opa@justice.wa.gov.au)  
Web: [www.publicadvocate.wa.gov.au](http://www.publicadvocate.wa.gov.au)

### **Landgate**

1 Square Midland, MIDLAND WA 6056  
PO Box 2222, MIDLAND WA 6936  
Telefon: (08) 9273 7373  
Nombor Faks: (08) 9273 7666  
E-mel: [customerservice@landgate.wa.gov.au](mailto:customerservice@landgate.wa.gov.au)  
Internet: [www.landgate.wa.gov.au](http://www.landgate.wa.gov.au)

Maklumat yang dibentangkan dalam lembaran maklumat ini disediakan secara sukarela sebagai perkhidmatan awam. Maklumat dan nasihat yang diberikan disediakan dengan niat yang baik tetapi diperuntukkan semata-mata atas dasar bahawa pembaca akan bertanggungjawab untuk membuat penilaian mereka sendiri terhadap perkara yang dibincangkan di sini dan bahawa mereka hendaklah mengesahkan semua perwakilan, pernyataan dan maklumat yang berkaitan. Negeri Australia Barat ("negeri") mana-mana agensi atau perantaraan Negeri atau mana-mana pekerja atau ejen Negeri atau mana-mana agensi atau perantaraan Negeri tidak bertanggungjawab terhadap sebarang kehilangan atau kerosakan yang berlaku dan sama ada atau tidak disebabkan oleh kecuaian yang timbul daripada penggunaan atau kebergantungan kepada apa-apa maklumat atau nasihat yang diberikan dalam Garis Panduan tersebut.

2019